



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 20 Disember 2022

1	Penternak akan serah memo kepada PM
2	-Minyak masak paket, telur masih kurang di Kuantan -Syarikat pemborong hadapi masalah bekalan

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

EKSKLUSIF

Penternak akan serah memo kepada PM

Kemuka cadangan bagi menyelesaikan masalah bekalan telur ayam

Oleh MOHAMAD AMREEL
IMAN ABD MALEK
SHAH ALAM

Satu memorandum bagi penyelesaian isu bekalan telur ayam di seluruh negara dijangka dikemukakan pada minggu hadapan oleh penternak kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut sumber daripada pihak penternak, langkah tersebut adalah sebagai jalan penyelesaian terhadap masalah bekalan yang berlaku ketika ini.

"Kita akan kemuka memorandum tentang apa yang dimahukan sama ada minta subsidi atau sebarang bantuan kerajaan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) meneruskan usaha mencari penyelesaian isu bekalan telur ayam dalam pasaran dengan mengadakan perbincangan bersama peserta industri unggas negara.

Menterinya, Mohamad Sabu berkata, kerajaan turut mengimport bekalan berkenaan dari beberapa negara sumber yang sudah dikenal pasti.

Jelasnya, tindakan drastik itu perlu dilakukan berikutkan



Sebahagian pelanggan memilih telur import di sebuah pasar raya di Pasir Puteh, Kelantan, akibat kekurangan bekalan telur ayam tempatan ketika ini.

masalah bekalan sejak lebih lima bulan lalu.

Sementara itu, sumber tersebut menambah, kekurangan bekalan telur dalam menampung permintaan yang semakin tinggi di seluruh negara berpunca daripada tetapan harga semasa diadakwa tidak selaras dengan kos produktivitinya.

Ujarnya, kos bagi penternakan ayam telur meningkat dari masa ke masa, manakala subsidi yang diberikan kerajaan masih dilihat tidak berupaya menyelesaikan masalah tersebut.

"Pada Oktober lalu, kerajaan berikan subsidi sebanyak lapan sen bagi sebijji telur.

"Kemudian, pada November dan Disember kerajaan menambah dua sen lagi, maka jadi lah 10 sen. Kita dapat sedikit keuntungan pada masa itu.

"Tapi untuk menyelesaikan masalah kekurangan bekalan, ia bukan boleh dilakukan dalam kadar yang segera, memerlukan masa sekitar enam bulan untuk memulihkannya.

"Sumber makanan untuk ayam seperti jagung diimport dari luar negara, ia meningkat dari masa ke masa.

"Kalau tahun lepas harga satu tan jagung adalah RM850, pada April 2022, naik berkali ganda sehingga RM1,800, cuma sekarang dah turun sedikit ke RM1,600," ulasnya.

Jelas sumber lagi, jika masalah itu tidak dapat ditangani, sektor pembekalan tersebut akan sukar bertahan sehingga 10 tahun akan datang.

"Sukar untuk kita bertahan sehingga 10 tahun akan datang kalau keadaan terus begini," ujarnya.

Minyak masak paket, telur masih kurang di Kuantan

Tinjauan dapati bahan asas tanpa subsidi banyak di pasaran

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Bekalan minyak masak paket bersubsidi didapati kehabisan di beberapa pasar raya di daerah ini, namun stok minyak masak botol bagi dua dan lima kilogram masih ada di pasaran.

Tinjauan semalam mendapati minyak masak paket yang dihadkan penjualannya kepada tiga paket bagi setiap pelanggan habis sejak awal pagi.

Keadaan itu membimbangkan orang ramai khasnya golongan berpendapatan rendah yang mahu kerajaan mengatasi masalah ke-

kurangan bekalan itu segera. Suri rumah, Jamaliah Kamruddin, 56, berkata pihak berkusa, terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak perlu segera bertindak bagi memastikan pengguna mudah mendapatkan barang keperluan harian.

"Bukan semua mampu membeli minyak masak dalam botol, terutama golongan kurang berkecukupan kerana harganya tinggi."

"Jadi, masalah kekurangan stok minyak masak bersubsidi perlu diselesaikan segera," katanya.

[Harapan peniaga]
Sementara itu, tinjauan bekalan telur ayam juga berlaku kekurangan, terutama membabitkan 30 biji sepanjang.

Bagaimanapun, telur ayam 10 biji jenis omega dan premium masih ada di pasaran, tetapi harganya lebih mahal, menyebabkan



Rak yang menempatkan minyak masak paket bersubsidi habis di sebuah pasar raya di Kuantan.

(Foto Asrol Awang/BH)

ia kurang mendapat sambutan. Peniaga nasi lemak, Junaldi Kamaruzzaman, 45, berkata kesukaran mendapatkan bekalan telur memberikan kesan kepada dirinya kerana telur ayam adalah

antara bahan asas dalam menu nasi lemak.

Katanya, disebabkan itu, dia terpaksa mendapatkan bekalan telur ayam di beberapa pasar raya atau kedai runcit jauh dari rumah.

"Saya harap kerajaan segera memulihkan kembali bekalan telur ayam kerana kesukaran mendapatkannya menyebabkan kami terpaksa mencarinya di merata tempat," katanya.

Syarikat pemborong hadapi masalah bekalan

Kuala Terengganu: Bekalan telur ayam di negeri ini kembali kritikal selepas kali terakhir beberapa pemborong hanya memperoleh sumber protein itu pada Khamis lalu.

Tinjauan di tiga syarikat pemborong di sekitar bandar raya ini mendapati premis kosong menyebabkan pengguna terpaksa pulang kehampaan.

Pengurus sebuah syarikat pemborong telur di Cabang Tiga di sini, Nursyaznil Adha Ramli, berkata kali terakhir bekalan telur ayam diperolehnya sebanyak 3,000 papan mengandungi 90,000 biji pada empat hari lalu.

Katanya, syarikat pembekal mendakwa permintaan bekalan telur ayam tidak mencukupi untuk diedar kepada pemborong.

"Syarikat pembekal berjanji untuk menghantar bekalan sumber protein itu pada Rabu atau Khamis depan."

"Syarikat pembekal juga tidak boleh memberi jaminan jumlah keseluruhan sumber protein yang akan dihantar kepada kami," katanya.

Tinjauan di dua lagi syarikat pemborong mendapati semua jenis sumber protein, termasuk omega dan telur ayam biasa kehabisan sejak Rabu lalu.

Pengurus Syarikat Bigpoly Supplies, Fuan Chai Feng ketika dihubungi mengesahkan



Nursyaznil (kanan) melayan pelanggannya di Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. (Foto Bahrom Bakar/BH)



Tinjauan mendapati hanya telur ayam omega dan kampung dijual di pasar raya di Tasek Gelugor, semalam. (Foto Nur Izzati Mohamad/BH)

kali terakhir menerima bekalan sumber protein sebanyak 4,000 papan mengandungi 120,000 biji pada Selasa lalu.

Katanya,

"Kita belum menerima maklumat penghantaran bekalan telur dari syarikat pemborong."

"Kita belum menerima maklumat penghantaran bekalan telur ayam jenis omega juga turut kehabisan di semasa premisnya termasuk di

Kota Baharu, Kelantan.

Tinjauan juga mendapati lebih 35 pengguna, terutama suri rumah datang ke syarikat pem-

borong untuk dapatkan bekalan telur ayam, tetapi hampa apabila sumber protein itu kehabisan.

Seorang pengguna, Halijah Awang, 48, dari Wakaf Mempelam, di sini, mendakwa kesukaran mendapatkan bekalan telur sejak Isnin lalu.

Katanya, bekalan telur ayam bukan sahaja sukar diperoleh di pasar raya dan kedai runcit, malah di syarikat pemborong.

"Kita terpaksa menjelajah ke tiga syarikat pemborong hari ini (semalam) untuk mendapatkan bekalan telur, tetapi hampa kerana sumber protein itu kehabisan. Keadaan ini menyebabkan kami sudah tidak tahu di mana mahu mencari bekalan telur," katanya.

Peniaga naik harga jualan

Sementara itu, di Tasek Gelugor, peningkatan harga telur ayam di pasaran menyebabkan kebanyakan pengusaha makanan yang menggunakan bahan itu dalam perniagaan mereka terpaksa meningkatkan harga jualan.

Namun, seorang pengusaha kek yang mahu dikenali sebagai Irma, 30-an, tetap mengekalkan harga kerana bimbang perniagaannya terjejas.

Katanya, dia yang berniaga kek sejak 10 tahun lalu mengakui tahun ini antara paling getir berdepan peningkatan harga barang, terutamanya telur ayam yang begitu tinggi.

"Ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),

harga barang tidak terlampaui teruk, namun selepas PKP, ia semakin melampaui tinggi.

"Jika dahulu telur ayam bagi gred B dan C antara RM10 ke RM12, tetapi kini melambung tinggi," katanya di sini, semalam.

Irma berkata, dia tidak mahu menaikkan harga jualan kek kerana turut memahami beban dihadapi pelanggan.

Tinjauan di sekitar kedai runcit dan pasar raya di Pokok Sena, mendapati hanya telur ayam jenis omega bersaiz sederhana 10 ke 15 biji sahaja dijual antara RM7.50 hingga RM9.50, manakala telur ayam 30 biji pula membabitkan telur ayam kampung gred B berharga RM17.20.